

**PENYATA MAKLUMAT SIJIL**

Anda harus membaca maklumat-maklumat berikut bersama-sama dengan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Sijil ini.

**1 BUKTI UMUR**

Umur Orang yang Dilindungi akan diperakui sebelum permulaan perlindungan apabila bukti berdokumen yang disediakan oleh Anda dan yang mana dapat diterima oleh Kami.

**2 PERTUKARAN ALAMAT**

Untuk membolehkan Kami memaklumkan kepada Anda mengenai maklumat-maklumat penting, Anda harus pastikan bahawa Kami mempunyai alamat surat-menyurat, alamat e-mel Anda yang terkini dan maklumat untuk dihubungi yang lain, serta alamat terkini penama-penama dan pemegang amanah (jika ada). Selain itu, sila maklumkan kepada Kami maklumat terkini berkaitan cukai sekiranya ada sebarang perubahan kepada keadaan Anda atau sekiranya sebarang maklumat dalam rekod Kami adalah salah.

**3 PERTUKARAN PEKERJAAN**

Adalah penting untuk Anda memaklumkan kepada Kami tentang sebarang perubahan pada pekerjaan atau aktiviti sukan Anda.

**4 TEMPOH RUJUKAN PERCUMA**

Sekiranya Anda membuat keputusan untuk tidak meneruskan Sijil ini, Anda boleh membatalkannya dalam tempoh lima belas (15) hari dari Tarikh Permulaan. Begitu juga, Kami mungkin akan membatalkan Sijil Anda dalam tempoh lima belas (15) hari dari Tarikh Permulaan. Sekiranya hal ini berlaku dan setelah Kami mengembalikan jumlah Sumbangan Anda, Kami akan membatalkan Sijil ini.

**5 BAYARAN SUMBANGAN**

Anda boleh membayar Sumbangan Anda menggunakan Kad Debit atau Kredit.

Sebarang sumbangan yang Anda bayar kepada Kami akan dinyatakan dalam Penyata Kad Debit atau Kredit atau Penyata Bank Anda. Ini akan menjadi pengesahan dari Kami untuk pembayaran tersebut.

Adalah penting untuk Anda menyimpan Penyata Kad Debit atau Kredit atau Penyata Bank Anda sebagai bukti bayaran sumbangan untuk rujukan pada masa hadapan.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk laman web Kami di [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my).

**6 PENYERAHAN SIJIL ANDA**

Anda boleh menyerahkan Sijil Anda pada bila-bila masa yang Anda kehendaki. Sekiranya Anda memilih untuk menyerahkan Sijil Anda, tiada amaun yang akan dibayar kepada Anda. Perlindungan Anda akan diteruskan sehingga Ulang Tahun Sijil seterusnya selepas notis penyerahan Anda.

**Ia mungkin tidak menguntungkan sekiranya Anda menyerahkan atau menggantikan Sijil sedia ada dengan yang baru.**

Sila hubungi Khidmat Pelanggan Kami sebelum membuat keputusan muktamad.

**7 PENYERAHAN TUNTUTAN**

Sekiranya Anda perlu membuat tuntutan, Anda mesti menghantar notis bertulis kepada Kami ke alamat di bawah dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh kejadian. Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh tersebut tidak akan membatalkan tuntutan sekiranya ia boleh ditunjukkan sebagai tidak munasabah untuk memberikan notis itu dan notis itu telah diberikan secepat mungkin.

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)  
Aras 13, Menara Prudential,  
Persiaran TRX Barat,  
55188 Tun Razak Exchange,  
Kuala Lumpur.

Apabila Kami telah menerima notis tersebut, Kami akan memaklumkan Anda mengenai dokumen-dokumen yang berkenaan yang perlu Anda lengkapkan dan hantarkan kepada Kami untuk memproses tuntutan Anda. Sekiranya Anda memerlukan bantuan, sila hubungi talian Khidmat Pelanggan Kami di nombor yang tertera di bawah.

**8 PERMOHONAN AKSES DAN PEMBETULAN DATA PERIBADI**

Sekiranya Anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan atau permohonan untuk mengakses atau membetulkan data peribadi, sila hubungi Kami atau Khidmat Pelanggan Kami.

Sebarang permohonan untuk mengakses atau membetulkan data peribadi mungkin dikenakan bayaran dan juga tertakluk kepada sebarang undang-undang privasi atau perlindungan data.

**9 KHIDMAT PELANGGAN****Cawangan**

Cawangan Kami beroperasi dari 8:45 pagi sehingga 4:15 petang dari Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum).

**Pusat Panggilan**

Sekiranya Anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi talian **Khidmat Pelanggan** Kami di **03 2775 7188** pada waktu pejabat (8:30 pagi hingga 5:15 petang dari Isnin hingga Jumaat, kecuali cuti umum).

**Surat-menyurat dan E-mel**

Anda boleh menghantar surat kepada Kami di:

**Unit Khidmat Pelanggan**

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)  
Aras 13, Menara Prudential,  
Persiaran TRX Barat,  
55188 Tun Razak Exchange,  
Kuala Lumpur.

E-mel: [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my)

10 **OMBUDSMAN UNTUK PERKHIDMATAN KEWANGAN DAN LAMAN INFORMASI NASIHAT DAN KHIDMAT BNM (LINK)**

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan dan Laman Informasi Nasihat dan Khidmat BNM (LINK) telah ditubuhkan untuk memberi perlindungan kepada pelanggan dan membantu Anda untuk menyelesaikan sebarang perselisihan mengenai tuntutan di antara Anda dan Kami. Sekiranya Anda tidak berpuas hati dengan sesuatu keputusan yang telah Kami buat, Anda boleh menulis kepada alamat-alamat berikut:

**Ombudsman Perkhidmatan Kewangan**

Tingkat 14, Blok Utama,  
Menara Takaful Malaysia,  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,  
50000 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-2272 2811  
Faks: 03-2272 1577  
Laman web: [www.ofs.org.my](http://www.ofs.org.my)

**Pengarah**

Jabatan LINK & Pejabat Wilayah  
Bank Negara Malaysia,  
Peti Surat 10922,  
50929 Kuala Lumpur.  
Tel: 1-300-88-5465  
Faks: 03-2174 1515  
E-mel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

**1. Hubungan Secara Kontrak di kalangan peserta-peserta yang menyumbang ke Dana *Tabarru`***

Anda bersetuju untuk menyertai di dalam pelan ini adalah bersama dengan semua peserta yang lain berdasarkan prinsip *Ta`awun* (bantuan bersama). Sumbangan *Tabarru`at* (kebajikan) akan dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru`* bersama dengan Sumbangan peserta yang lain untuk menyediakan manfaat kewangan bersama yang akan dibayar kepada semua peserta yang layak atau benefisiari mereka apabila berlakunya peristiwa yang telah dipersetujui berdasarkan manfaat takaful yang dipersetujui di bawah pelan tersebut.

**2. Hubungan Secara Kontrak di antara Anda dan Kami****2.1. Wakalah**

- 2.1.1. Anda bersetuju untuk melantik dan memberi kuasa kepada Kami untuk menguruskan pelan takaful ini dan melaburkan Dana *Tabarru`*. Kami diberi kuasa untuk melaksanakan operasi takaful berdasarkan prinsip Syariah, undang-undang dan pengawalseliaan dan juga terma-terma yang dinyatakan.
- 2.1.2. Sebagai pulangan kepada tugas yang dijalankan dan berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, Anda bersetuju untuk membayar Caj *Wakalah* kepada Kami seperti yang ditentukan di bawah Jadual 2 dan Peruntukan Sijil Klausula 6.1. Selain daripada Caj *Wakalah*, Kami juga layak menerima yuran prestasi di atas Lebihan yang Boleh Diagihkan seperti yang dinyatakan di bawah Peruntukan Sijil Klausula 3.1.1.
- 2.1.3. Apabila keadaan yang dianggap sebagai salah urus, kecuaiian atau pelanggaran istilah tertentu, Kami akan menanggung dan hendaklah membayar kerugian atau kerosakan termasuk sebarang kos sebenar yang dialami oleh Anda.
- 2.1.4. Kontrak *Wakalah* ini hendaklah dibubarkan apabila kematangan, penamatan akibat serahan atau sebarang keadaan yang ditentukan di bawah Peruntukan Sijil Klausula 9.8. Kami layak untuk menerima Caj *Wakalah* bagi perkhidmatan yang diberikan.

Dalam keseluruhan Sijil, perkataan dan ungkapan yang berikut adalah ditakrifkan di bawah.

<b>Kemalangan</b>	Kejadian mengejut, tidak sengaja, di luar jangkaan, luarbiasa dan peristiwa tertentu yang disebabkan atau diakibatkan tidak bergantung kepada sebab-sebab lain dan secara langsung oleh cara yang ganas, sumber-sumber luaran dan boleh dilihat pada masa dan tempat yang dikenalpasti.
<b>Umur</b>	Umur pada hari lahir yang akan datang.
<b>Amaun Manfaat</b>	Amaun yang dibayar dari Dana <i>Tabarru`</i> di bawah Sijil ini seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 2.
<b>Sebarang Hilang Upaya</b>	<p>Merujuk kepada satu Hilang Upaya dan komplikasi-komplikasinya yang menyebabkan Anda Dimasukkan ke Hospital sekali atau lebih, atau memerlukan rawatan Pesakit Luar.</p> <p>Semua Kemasukan ke Hospital dan/atau rawatan Pesakit Luar akan dikira berpunca daripada Hilang Upaya yang sama jika Anda belum pulih sepenuhnya dan masih memerlukan rawatan lagi bagi Hilang Upaya yang sama dan komplikasi-komplikasinya.</p> <p>Kemasukan Anda ke Hospital dan/atau rawatan Pesakit Luar akan dikira berpunca daripada Hilang Upaya baru jika Anda telah pulih sepenuhnya dan tidak lagi memerlukan rawatan bagi Hilang Upaya untuk tempoh lebih daripada sembilan puluh (90) hari selepas tarikh terakhir keluar hospital atau tarikh terakhir rawatan Pesakit Luar bagi Hilang Upaya yang sama.</p>
<b>Manfaat Asas</b>	Manfaat (-manfaat) yang disediakan di bawah Sijil ini seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2.
<b>Sijil</b>	Dokumen yang merangkumi Pendahuluan, Penyata Maklumat Sijil, Jadual-jadual, Kontrak Syariah ( <i>`Aqad</i> ), Peruntukan Sijil dan sebarang notis pengesahan pada masa hadapan yang Kami mungkin keluarkan.
<b>Ulang Tahun Sijil</b>	Merujuk kepada tarikh yang sama dengan Tarikh Permulaan pada setiap tahun.
<b>Tahun Sijil</b>	Tempoh masa dua belas (12) bulan dari Tarikh Permulaan atau sebarang Ulang Tahun Sijil dan berakhir sehari sebelum Ulang Tahun Sijil seterusnya.
<b>Sumbangan</b>	Sumbangan yang Anda perlu bayar untuk Manfaat Kanser di bawah Sijil ini. Ia merangkumi Caj <i>Wakalah</i> dan Potongan <i>Tabarru`</i> .
<b>Tarikh Sumbangan Patut Dibayar</b>	Hari pertama Sumbangan Anda patut dibayar, berdasarkan frekuensi bayaran yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Tarikh Sumbangan Patut Dibayar yang pertama adalah Tarikh Permulaan.
<b>Pembedahan Harian</b>	Pembedahan atau prosedur invasif yang dijalankan di Hospital atau klinik Doktor Pakar yang memerlukan penggunaan kemudahan pemulihan, tetapi tanpa bermalam di Hospital atau klinik Doktor Pakar.

<b>Doktor Pergigian</b>	<p>Pengamal perubatan yang mengkhusus dalam diagnosis, pencegahan dan rawatan penyakit atau keadaan rongga mulut. Beliau mesti berdaftar dalam kawasan geografi profesion tersebut diamalkan dan memegang sijil perakuan amalan yang sah.</p> <p>Seorang Doktor Pergigian yang merupakan Orang yang Dilindungi itu sendiri dalam Sijil ini tidak akan dianggap sebagai Doktor Pergigian apabila membuat tuntutan.</p>
<b>Diagnosis</b>	<p>Sesuatu diagnosis sahih yang dibuat oleh Doktor berdasarkan kepada bukti spesifik yang telah Kami nyatakan untuk penyakit spesifik yang didiagnos atau berdasarkan bukti radiologi, klinikal, histologi atau makmal yang Kami terima.</p> <p>Sekiranya terdapat sebarang keraguan mengenai Diagnosis tersebut, Kami boleh meminta pemeriksaan dijalankan ke atas bukti yang digunakan dalam mendapatkan diagnosis tersebut oleh seorang pakar yang adil dan diperakui dalam bidang perubatan yang berkenaan. Kami juga boleh meminta pemeriksaan dijalankan terhadap Anda, oleh seorang pakar yang adil dan diperakui dalam bidang perubatan berkenaan dan pandangan pakar itu terhadap diagnosis tersebut akan dikira terikat di antara Anda dengan Kami.</p>
<b>Hilang upaya</b>	<p>Sesuatu kesakitan, wabak, penyakit atau semua kecederaan yang terjadi daripada satu atau beberapa sebab yang berterusan.</p>
<b>Lebih yang Boleh Diagihkan</b>	<p>Lebih yang terhasil termasuk Keuntungan Pelaburan daripada Dana <i>Tabarru`</i> selepas pembayaran tuntutan dan rizab. Lebih yang Boleh Diagihkan adalah dihitung dan diagihkan (jika ada) setiap tahun.</p>
<b>Doktor, Pegawai Perubatan atau Pakar Bedah</b>	<p>Pengamal perubatan berdaftar yang bertauliah dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat. Semasa memberikan rawatan, mereka mesti mengamalkannya mengikut skop perlesenan dan latihan mereka di dalam kawasan geografi profesion tersebut diamalkan. Individu ini tidak termasuk Anda, pasangan Anda atau saudara-mara terdekat.</p>
<b>Hospital</b>	<p>Satu pertubuhan yang ditubuhkan dan didaftarkan sebagai Hospital bagi penjagaan dan rawatan orang yang sakit dan cedera sebagai pesakit atas katil berbayar, dan yang mana:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(a) mempunyai kemudahan untuk Diagnosis dan pembedahan major,</li><li>(b) menyediakan perkhidmatan kejururawatan 24-jam sehari oleh jururawat berdaftar dan berkelulusan,</li><li>(c) di bawah penyeliaan Doktor atau Pakar Perubatan,</li><li>(d) bukan klinik, tempat untuk penagih alkohol dan dadah, pusat penjagaan, rumah pemulihan atau rehat atau rumah orang-orang tua, atau pertubuhan yang seumpamanya.</li></ul>
<b>Dimasukkan/Kemasukan ke Hospital</b>	<p>Kemasukan ke Hospital secara berterusan sekurang-kurangnya selama enam (6) jam berada di dalam sesebuah Hospital dan sesuatu caj untuk bilik dan penginapan telah dibuat oleh pihak Hospital bagi tujuan tersebut. Pesakit tidak akan dianggap sebagai Pesakit Dalam jika pesakit tidak tinggal secara fizikal di Hospital untuk keseluruhan tempoh kemasukan ke hospital.</p>

<b>Unit Rawatan Rapi (ICU) / Unit Rawatan Jantung (CCU)</b>	Satu seksyen di dalam sebuah Hospital yang dinamakan sebagai Unit Rawatan Rapi / Unit Penjagaan Jantung oleh Hospital tersebut, dan diselia rapi selama dua puluh empat (24) jam untuk merawat pesakit yang berada dalam keadaan kritikal dan dilengkapkan untuk memberi rawatan dan perubatan khas yang tidak terdapat di tempat lain dalam Hospital tersebut.
<b>Keuntungan Pelaburan</b>	Keuntungan daripada pelaburan Dana <i>Tabarru`</i> , yang akan diagihkan bersama dengan Lebihan yang Boleh Diagihkan.
<b>Hospital Kerajaan Malaysia</b>	Sebuah hospital milikan kerajaan yang diiktiraf di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia di mana caj-caj perkhidmatan tertakluk kepada Akta Yuran 1951 Yuran (Perubatan) Perintah 1982 atau mana-mana undang-undang yang berkaitan yang boleh menggantikannya pada masa akan datang.
<b>Perlu Dari Segi Perubatan</b>	<p>Suatu perkhidmatan perubatan, yang mana:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(a) selaras dengan diagnosis dan rawatan perubatan biasa bagi sesuatu Hilang Upaya yang dilindungi;</li><li>(b) mengikut piawai amalan perubatan yang baik, selaras dengan piawai semasa bagi rawatan perubatan profesional, dan juga dengan manfaat-manfaat kesihatan yang terbukti;</li><li>(c) bukan untuk kemudahan Anda atau Pakar Perubatan, dan tidak dapat diberikan sewajarnya sebagai pesakit luar (jika dimasukkan ke wad sebagai pesakit dalam);</li><li>(d) bukan berbentuk eksperimen, siasatan, penyelidikan atau kajian, pencegahan atau penyaringan;</li><li>(e) dikenakan bayaran yang berpatutan, munasabah dan biasa diamalkan bagi Hilang Upaya yang dilindungi itu; dan</li><li>(f) menyediakan rawatan secara terus yang berkaitan dengan Hilang Upaya yang dilindungi.</li></ul> <p>Hakikat bahawa seorang Pakar Perubatan boleh menetapkan, membenarkan atau mengarahkan perkhidmatan tidak dengan sendirinya menjadikan ia Perlu Dari Segi Perubatan atau dilindungi oleh pelan.</p>
<b>Pesakit Luar</b>	Seseorang yang mengunjungi hospital, klinik atau kemudahan penjagaan kesihatan lain untuk diagnosis atau rawatan tetapi tidak Dimasukkan ke Hospital.
<b>Keadaan Sedia Ada</b>	<p>Penyakit dan/atau keadaan yang Anda tahu dengan sewajarnya sebelum Tarikh Permulaan. Anda mungkin dianggap tahu dengan sewajarnya tentang Keadaan Sedia Ada di mana penyakit dan/atau keadaan tersebut adalah sesuatu yang mana:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(a) Anda telah atau sedang menerima rawatan; atau</li><li>(b) nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan; atau</li><li>(c) tanda-tanda ketara dan jelas atau telah terbukti; atau</li><li>(d) kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi seseorang individu yang waras.</li></ul>
<b>Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan</b>	Caj-caj bagi penjagaan perubatan yang Perlu Dari Segi Perubatan akan dikira sebagai berpatutan dan biasa sehingga ianya tidak melebihi kadar caj umum yang dibuat oleh pengendali perubatan atau khidmat penjagaan kesihatan berdaftar yang sah yang lain dalam kedudukan yang sama dalam Malaysia. Caj tersebut apabila dibuat, dengan mengambilkira rawatan, perkhidmatan atau bekalan

kepada individu dengan jantina dan umur yang sama untuk Sakit, Penyakit dan kecederaan yang sama dan sejajar dengan piawaian perubatan yang diterima dan amalan yang mana tidak boleh ditinggalkan tanpa menjejaskan dengan buruk keadaan perubatan Anda.

<b>Sakit, Penyakit, Kesakitan</b>	Keadaan kesihatan fizikal yang buruk yang memerlukan rawatan perubatan.
<b>Doktor Pakar</b>	Pengamal perubatan yang pakar dalam bidang perubatan tertentu dan yang diiktiraf oleh pihak berkuasa kesihatan yang sewajarnya sebagai sebagai pakar dalam bidang itu. Doktor Pakar hendaklah termasuk Pakar Perubatan atau Pakar Bedah. Pakar yang merupakan Orang Dilindungi itu sendiri tidak akan dianggap sebagai Doktor Pakar apabila membuat tuntutan.
<b>Penyakit Spesifik</b>	Hilang Upaya dan komplikasi berkaitan yang berikut, yang berlaku dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama dari Tarikh Permulaan: (a) Tekanan darah tinggi, kencing manis dan penyakit kardiovaskular; (b) Semua tumor, kanser, sista, nodul, polip; (c) Batu dalam sistem kencing dan sistem biliari; (d) Sebarang penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak; (e) Hernia, hemoroid, fistula, hidrosele, varikosele; (f) Sebarang penyakit sistem pembiakan termasuk endometriosis; atau (g) Sebarang masalah tulang belakang (termasuk cakera tergelincir) dan penyakit lutut.
<b>Pembedahan</b>	Mana-mana prosedur perubatan berikut: (a) membuat insisi, mengeksisi atau elektro-lecuh mana-mana organ atau bahagian badan, kecuali perkhidmatan pergigian; (b) membetulkan, membaik pulih atau membina semula mana-mana organ atau bahagian badan; (c) mengurangkan dengan memanipulasi retak atau dislokasi; (d) penggunaan prosedur endoskopi untuk menyiasat, mendiagnosis dan rawatan.
<b>Potongan <i>Tabarru`</i></b>	Baki dari Sumbangan Anda selepas ditolak Caj <i>Wakalah</i> . Ia akan disumbangkan ke dalam Dana <i>Tabarru`</i> bagi tujuan bantu-membantu berdasarkan manfaat-manfaat yang dipersetujui di bawah pelan ini.
<b>Dana <i>Tabarru`</i></b>	Dana yang dimiliki bersama oleh peserta-peserta di mana Potongan <i>Tabarru`</i> daripada peserta-peserta diletakkan dan dikumpulkan bersama-sama. Dana ini digunakan membayar manfaat yang telah dipersetujui di bawah pelan ini berdasarkan bantuan dan pertolongan bersama.
<b>Tempoh Menunggu</b>	Amaun hari yang tertentu yang pertama dari Tarikh Sijil. Untuk mengelak kekeliruan, tiada manfaat akan dibayar untuk: (a) apa-apa keadaan yang wujud atau didiagnosis: (i) semasa Tempoh Menunggu; atau (ii) selepas berakhirnya Tempoh Menunggu tapi ia berkaitan dengan keadaan yang wujud atau didiagnosis semasa Tempoh Menunggu; atau (b) apa-apa tanda atau simptom yang wujud sebelum atau semasa Tempoh Menunggu yang menyebabkan seorang yang waras untuk mendapatkan penjagaan atau pemerhatian perubatan, walaupun keputusan diagnosis



mungkin diperolehi sebelum atau selepas berakhirnya Tempoh Menunggu.

<b>Caj <i>Wakalah</i> Pendahuluan</b>	Sebahagian daripada Caj <i>Wakalah</i> yang Kami gunakan untuk membayar perbelanjaan berkaitan pengagihan.
<b>Caj <i>Wakalah</i></b>	Sebarang caj yang Anda bayar kepada Kami untuk perkhidmatan yang Kami berikan.
<b>Kami</b>	Prudential BSN Takaful Berhad.
<b>Anda</b>	Orang yang Dilindungi di bawah Sijil ini seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

## 1 RINGKASAN BUTIRAN SIJIL

Ini adalah Sijil takaful keluarga yang diperbaharui setiap tahun yang menyediakan perlindungan takaful, tertakluk kepada pembaharuan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 9.10.

Tertakluk kepada Jadual-jadual dan peruntukan-peruntukan yang disebut dalam Peruntukan Sijil ini, Kami akan menyediakan Manfaat Asas dan Anda bersetuju untuk membayar Sumbangan kepada Kami.

Kami akan mengambil Caj *Wakalah* daripada Sumbangan Anda. Baki Sumbangan Anda akan dimasukkan ke dalam Dana *Tabarru`* sebagai Potongan *Tabarru`*.

Anda layak untuk menerima Lebihan yang Boleh Diagihkan (jika ada) daripada Dana *Tabarru`* seperti yang dinyatakan di Seksyen 3.1.

## 2 SUMBANGAN

### 2.1 Pembayaran Sumbangan

2.1.1 Amaun dan frekuensi Sumbangan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Anda perlu membayar Sumbangan pertama sebelum Tarikh Permulaan yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Sumbangan yang berikutnya yang ditunjukkan dalam Jadual 2 akan dibayar pada setiap Tarikh Sumbangan Patut Dibayar sehingga Tarikh Sumbangan Akhir yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

2.1.2 Kadar sumbangan yang digunakan pada sebarang masa tertentu adalah ditentukan oleh Kami. Kadar sumbangan akan berbeza mengikut:

- (a) Umur Anda pada hari lahir yang akan datang pada setiap Ulang Tahun Sijil;
- (b) amaun Deduktibel Anda; dan
- (c) kelas pekerjaan Anda.

2.1.3 Kadar sumbangan adalah tidak dijamin dan Kami boleh membuat perubahan pada kadar sumbangan dengan memberi notis tiga puluh (30) hari kepada Anda. Perubahan pada kadar sumbangan akan berkuatkuasa pada Ulang Tahun Sijil yang berikutnya selepas notis tersebut. Sekiranya Ulang Tahun Sijil yang berikutnya jatuh dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Kami menghantar notis, perubahan pada kadar sumbangan akan berkuatkuasa pada Ulang Tahun Sijil yang seterusnya.

### 2.2 Sumbangan yang Tidak Dibayar

2.2.1 Sekiranya Anda tidak membayar Sumbangan dalam tempoh tangguh selama tiga puluh (30) hari dari Tarikh Sumbangan Patut Dibayar, Sijil akan luput seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 7.

## 3 LEBIHAN YANG BOLEH DIAGIHKAN

### 3.1 Lebihan yang Boleh Diagihkan daripada Dana *Tabarru`*

3.1.1 Kami akan menentukan amaun sebenar bagi Lebihan yang Boleh Diagihkan setiap tahun dan sebarang amaun adalah tertakluk kepada kelulusan daripada Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah Kami. Anda, kemudiannya, layak untuk menerima lima puluh peratus (50%) daripada Lebihan yang Boleh Diagihkan (jika ada) yang terhasil daripada Potongan *Tabarru`* Anda ke dalam Dana *Tabarru`*. Baki Lebihan yang Boleh Diagihkan sebanyak lima puluh peratus (50%) akan diberikan kepada Kami sebagai yuran prestasi untuk menguruskan Dana *Tabarru`*.

**PRUDENTIAL BSN**

---

TAKAFUL

- 3.1.2 Sekiranya terdapat defisit, Kami akan memberikan pinjaman tanpa faedah (*Qard*) untuk menampung defisit tersebut. Kami akan membawa pinjaman tersebut ke tahun kewangan seterusnya dan mungkin akan menggunakan sebarang Lebihan yang Boleh Diagihkan pada masa hadapan untuk membayar balik pinjaman tanpa faedah tersebut. Kami kemudiannya akan membayar baki yang tinggal (jika ada) mengikut apa yang dinyatakan dalam Seksyen 3.1.1.

#### 4 MANFAAT

- 4.1 Semasa Sijil ini berkuat kuasa, Kami akan membayar Amaun Manfaat mengikut Sijil ini apabila:

- 4.1.1 Anda layak menerima manfaat berikut:

- (a) Manfaat Bilik & Penginapan Hospital Harian;
- (b) Manfaat Hospital & Pembedahan;
- (c) Manfaat Rawatan Pesakit Luar;
- (d) Manfaat Tambahan; dan

- 4.1.2 tanda-tanda atau simptom-simptom Hilang Upaya mestilah telah berlaku lebih daripada tiga puluh (30) hari Tempoh Menunggu (Seksyen 4.1.2 ini tidak terpakai untuk Hilang Upaya disebabkan Kemalangan); dan

- 4.1.3 Sijil ini berkuat kuasa pada masa Anda Dimasukkan ke Hospital atau menerima rawatan Pesakit Luar.

#### 4.2 Pembayaran Manfaat

Bagi sebarang tuntutan manfaat di bawah Sijil ini, Kami akan membayar manfaat yang berkaitan yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat dengan membuat pembayaran balik kepada Anda Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan. Amaun Manfaat yang boleh dibayar adalah tertakluk kepada Deduktibel dan Had Tahunan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 4.3.1 dan 4.3.2 serta terma-terma dan syarat-syarat Butiran Manfaat di bawah.

#### 4.3 Pengehadan Manfaat

##### 4.3.1 Deduktibel

- (a) Sebarang pembayaran balik bagi sebarang manfaat yang layak dituntut di bawah Sijil ini adalah sentiasa tertakluk kepada pembayaran penuh amaun Deduktibel, seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.
- (b) Deduktibel adalah amaun tetap yang Anda perlu bayar terlebih dahulu tanpa mengira jumlah perbelanjaan untuk Sebarang Hilang Upaya.
- (c) Kami akan membayar manfaat yang layak ditolak dengan amaun Deduktibel yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk Sebarang Hilang Upaya.
- (d) Anda layak untuk amaun Deduktibel yang terpakai semasa Kemasukan ke Hospital di Hospital Kerajaan Malaysia jika Kemasukan ke Hospital dan rawatan Pesakit Luar untuk Sebarang Hilang Upaya diterima sepenuhnya di Hospital Kerajaan Malaysia.
- (e) Deduktibel terpakai untuk Manfaat Hospital & Pembedahan dan Manfaat Rawatan Pesakit Luar (kecuali Manfaat Pembedahan Harian). Deduktibel adalah tidak terpakai kepada Manfaat Bilik & Penginapan Hospital, Manfaat Pembedahan Harian dan Manfaat Tambahan.

Pembayaran balik perbelanjaan dan caj yang layak untuk manfaat yang dilindungi hendaklah merupakan Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan dan caj-caj tersebut juga adalah konsisten dengan dan pada masa yang sama dinyatakan dalam Jadual Yuran oleh

Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) dan Jadual Tiga Belas oleh Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Swasta (PHFSA), atau yang berkaitan.

**4.3.2 Had Tahunan**

Had Tahunan, seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, adalah manfaat maksimum yang Anda layak untuk membuat tuntutan semasa dalam tempoh Tahun Sijil untuk sebarang manfaat yang layak.

**4.4 Butiran Manfaat**

**4.4.1 Manfaat Bilik & Penginapan Hospital Harian**

- (a) Kami akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan yang dikenakan untuk bilik dan penginapan Anda termasuk caj yang dikenakan di dalam Unit Pergantungan Tinggi (HDU) yang Perlu Dari Segi Perubatan, semasa Anda Dimasukkan ke Hospital secara berterusan untuk suatu Hilang Upaya sebagai pesakit dalam seperti yang disyorkan oleh Doktor Pakar. Amaun Manfaat yang Kami bayar tidak boleh melebihi, untuk mana-mana satu hari, kadar Manfaat Bilik & Penginapan Hospital Harian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual Manfaat.
- (b) Kami TIDAK akan membayar perbezaan kadar Manfaat Bilik & Penginapan Hospital Harian di atas, jika caj-caj harian yang Kami bayar balik kepada Anda di bawah Seksyen 4.4.1 (a) di atas adalah kurang dari kadar Manfaat Bilik & Penginapan Hospital Harian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual Manfaat.
- (c) Jumlah amaun yang Kami bayar untuk Manfaat ini tidak boleh melebihi bilangan hari yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat bagi setiap Tahun Sijil.

**4.4.2 Manfaat Unit Rawatan Rapi/ Unit Rawatan Jantung**

- (a) Kami akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan yang dikenakan untuk bilik dan penginapan Anda yang Perlu Dari Segi Perubatan, semasa Anda Dimasukkan ke Hospital sebagai pesakit dalam untuk suatu Hilang Upaya di Unit Rawatan Rapi/ Unit Rawatan Jantung di Hospital tersebut seperti yang disyorkan oleh Doktor Pakar.
- (b) Jumlah amaun yang Kami bayar untuk Manfaat ini tidak boleh melebihi bilangan hari yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat bagi setiap Tahun Sijil. Sekiranya tempoh kemasukan ke Unit Rawatan Rapi/ Unit Rawatan Jantung di Hospital tersebut melebihi bilangan hari yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, Anda boleh membuat tuntutan untuk hari-hari tambahan tersebut di bawah Manfaat Bilik & Penginapan Hospital Harian.
- (c) Kami tidak akan membayar Manfaat Bilik & Penginapan Hospital Harian untuk Kemasukan ke Hospital dalam tempoh yang sama di mana Manfaat Unit Rawatan Rapi/ Unit Rawatan Jantung dibayar oleh Kami.

**4.4.3 Manfaat Perkhidmatan Dalam Hospital & Yang Berkaitan**

Kami akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan yang dikenakan bagi Manfaat Perkhidmatan Dalam Hospital & Yang Berkaitan yang Perlu Dari Segi Perubatan seperti yang disyorkan oleh Doktor Pakar, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat bagi Sijil ini:

**(a) Manfaat Pembedahan**

Untuk pembedahan yang Perlu Dari Segi Perubatan yang dijalankan oleh Doktor Pakar bagi Hilang Upaya Anda, yang termasuk penilaian sebelum pembedahan, lawatan Doktor Pakar dan rawatan selepas pembedahan ketika Anda Dimasukkan ke Hospital.

**(b) Bekalan dan Khidmat Hospital**

**TAKAFUL**

Untuk perkhidmatan yang Perlu Dari Segi Perubatan yang disediakan ketika Anda Dimasukkan ke Hospital untuk Hilang Upaya Anda:

- (i) Dadah dan ubat-ubatan yang ditentukan untuk penggunaan di dalam Hospital;
  - (ii) Pembalutan, penganduh, kas plaster dan keperluan Anda sebagai pesakit dalam;
  - (iii) Diagnostik dan/atau ujian siasatan seperti elektrokardiogram, imbasan, ujian-ujian makmal, dan sebagainya;
  - (iv) Perkhidmatan ambulans darat ke/dari Hospital tetapi Kami tidak akan membayar balik bayaran ini jika Anda tidak Dimasukkan ke Hospital;
  - (v) Larutan intravena, pentadbiran darah dan hasil sampingan darah; atau
  - (vi) Perkhidmatan dan bekalan sokongan perubatan yang lain, tidak termasuk penjagaan peribadi oleh jururawat.
- (c) **Bilik Pembedahan**  
Untuk kegunaan bilik pembedahan dan kelengkapan prosedur pembedahan yang Perlu Dari Segi Perubatan.
- (d) **Bayaran Pakar Bius**  
Untuk pentadbiran ubat bius yang Perlu Dari Segi Perubatan oleh pakar bius.
- (e) **Lawatan Doktor Pakar Dalam Hospital**  
Untuk lawatan oleh Doktor Pakar yang Perlu Dari Segi Perubatan semasa Anda Dimasukkan ke Hospital, tertakluk kepada maksimum dua (2) lawatan sehari.

**4.4.4 Manfaat Rawatan Sebelum Masuk Hospital**

- (a) Kami akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan yang dikenakan bagi:
- (i) Ujian Diagnostik  
Ujian siasatan dan diagnostik, yang Perlu Dari Segi Perubatan, dijalankan oleh Doktor untuk tujuan diagnostik untuk Hilang Upaya di mana Anda Dimasukkan ke Hospital selepas itu.
  - (ii) Perundingan dan Rawatan  
Perundingan dan/atau rawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan yang disediakan oleh Doktor untuk Hilang Upaya yang menyebabkan Anda Dimasukkan ke Hospital. Makanan tambahan adalah secara spesifik dikecualikan.
- (b) Rawatan, perundingan, siasatan dan/atau diagnostik ini mestilah konsisten dengan Hilang Upaya yang menyebabkan Anda Dimasukkan ke Hospital selepas itu dan mesti dilaksanakan dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum Anda Dimasukkan ke Hospital.

**4.4.5 Manfaat Rawatan Selepas Keluar Hospital**

- (a) Kami akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan yang dikenakan untuk rawatan susulan yang Perlu Dari Segi Perubatan ke atas Anda oleh Pakar Bedah atau Doktor yang sama.
- (b) Rawatan susulan mestilah untuk Hilang Upaya yang sama yang menyebabkan Anda Dimasukkan ke Hospital dan mesti dilaksanakan dalam tempoh sembilan puluh (90) hari sebaik sahaja Anda keluar daripada Hospital. Ini termasuk ubat-ubat yang dipreskripsikan semasa rawatan susulan tetapi tidak termasuk bekalan yang diperlukan untuk selepas sembilan puluh (90) hari selepas Anda keluar daripada Hospital.

**4.4.6 Manfaat Pembedahan Harian**

**TAKAFUL**

- (a) Kami akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan yang dikenakan untuk Pembedahan atau prosedur yang Perlu Dari Segi Perubatan yang dijalankan dalam Unit Pembedahan Harian di Hospital atau klinik Doktor Pakar, tetapi tanpa bermalam di Hospital atau klinik Doktor Pakar bagi Pembedahan Harian tersebut.
- (b) Sebarang Pembedahan Harian dilakukan untuk tujuan siasatan dan/atau diagnostik yang tidak berkaitan dengan rawatan untuk sebarang Hilang Upaya spesifik tidak akan dilindungi.
- (c) Sila rujuk laman web Kami untuk senarai pembedahan atau prosedur yang dilindungi yang boleh dijalani oleh Anda sebagai rawatan harian, seperti yang disarankan oleh Doktor. Kami mungkin, menambah atau mengurangkan sebarang pembedahan atau prosedur yang dilindungi di bawah Manfaat ini tanpa pemberitahuan terlebih dahulu.

**4.4.7 Manfaat Rawatan Kecemasan untuk Kecelakaan Akibat Kemalangan**

- (a) Kami akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan yang dikenakan untuk rawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan ke atas Anda sebagai Pesakit Luar, untuk kecederaan anggota badan akibat Kemalangan. Rawatan tersebut mestilah diterima di mana-mana klinik atau Hospital berdaftar dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam dari masa berlaku Kemalangan yang menyebabkan kecederaan anggota badan tersebut. Kami juga akan membayar balik untuk rawatan susulan oleh Doktor yang sama atau di klinik atau Hospital berdaftar yang sama untuk kecederaan anggota badan yang sama.
- (b) Rawatan-rawatan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, yang berikut:
  - (i) Manipulasi tertutup / pembedahan secara reduksi untuk patah tulang atau sendi terkehel;
  - (ii) Pemakaian Plaster Paris;
  - (iii) Pembuangan jasad asing daripada mata / telinga / hidung / tekak;
  - (iv) Pembersihan dan Jahitan luka laserasi;
  - (v) Pembalutan luka kecederaan.
- (c) Kami juga akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan yang dikenakan untuk rawatan pergigian yang Perlu Dari Segi Perubatan ke atas Anda sebagai Pesakit Luar untuk penggantian / pemulihan gigi semulajadi untuk pemulihan fungsi, untuk kecederaan anggota badan akibat Kemalangan. Rundingan mesti dilakukan oleh Doktor Gigi di mana-mana klinik pergigian atau Hospital berdaftar dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam dari masa berlaku Kemalangan yang menyebabkan kecederaan anggota badan tersebut.
- (d) Rawatan pergigian tersebut adalah termasuk penggantian / pemulihan gigi semulajadi untuk pemulihan fungsi, termasuk:
  - (i) penempatan gigi palsu;
  - (ii) perkhidmatan prostetik seperti jambatan gigi dan sarung gigi;
  - (iii) implan pergigian.Walau bagaimanapun, Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap perbelanjaan untuk keadaan-keadaan berikut:
  - (i) peralatan pergigian;
  - (ii) caj untuk pemeriksaan rutin;
  - (iii) caj untuk penggantian gigi palsu atau prostesis yang termasuk caj bagi penggantian gigi yang telah hilang sejak lahir atau gigi yang telah hilang sebelum tarikh Kemalangan yang menyebabkan kecederaan anggota badan tersebut, atau Tarikh Permulaan, yang mana-mana kemudian;
  - (iv) rawatan oleh seseorang selain Doktor Gigi.
- (e) Rawatan susulan di bawah Manfaat ini tidak boleh lebih daripada tiga puluh (30) hari dari tarikh Kemalangan. Bayaran penuh yang Kami buat untuk Manfaat ini

tidak boleh melebihi amaun maksimum Manfaat Rawatan Kecemasan untuk Kecederaan Akibat Kemalangan yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

- (f) Kami boleh menganggap mana-mana rawatan pesakit dalam untuk kecederaan akibat Kemalangan sebagai rawatan Pesakit Luar apabila pada pendapat Kami rawatan pesakit dalam itu boleh dilakukan sebagai rawatan Pesakit Luar. Jika Kami berbuat demikian, Kami hanya akan membayar bayaran yang bersesuaian dengan rawatan Pesakit Luar di bawah Manfaat Rawatan Kecemasan untuk Kecederaan Akibat Kemalangan, dan had bagi Manfaat Rawatan Kecemasan untuk Kecederaan Akibat Kemalangan akan berkurang sewajarnya.

**4.4.8 Manfaat Tunai Harian Hospital Kerajaan**

- (a) Sekiranya Anda Dimasukkan ke Hospital Kerajaan Malaysia, Kami akan membayar manfaat tunai harian seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk setiap satu (1) hari Kemasukan ke Hospital.
- (b) Sila rujuk laman web Kami untuk senarai Hospital Kerajaan Malaysia yang layak untuk manfaat ini, tertakluk kepada definisi Hospital Kerajaan Malaysia yang ditakrifkan dalam Sijil Takaful ini.

**1.4.9 Manfaat Rawatan Kanser Pesakit Luar**

- (a) Jika Anda didiagnosis menghidap Kanser (seperti yang ditakrifkan dalam sub-perenggan (c) di bawah), Kami akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan yang dikenakan yang Perlu Dari Segi Perubatan untuk rawatan Kanser.
- (b) Rawatan Kanser yang Perlu Dari Segi Perubatan hendaklah diterima di jabatan Pesakit Luar sesebuah Hospital atau pusat rawatan Kanser berdaftar yang sah untuk Kanser tersebut. Rawatan susulan Pesakit Luar bagi pengawasan atau pencegahan selepas rawatan Kanser yang berkesan atau apabila Kanser sudah reda tidak akan dilindungi.
- (c) **Kanser** bermaksud sebarang tumor malignan yang didiagnosis positif dengan pengesahan histologi dan bercirikan pertumbuhan sel malignan yang tidak terkawal dan serangan tisu. Terma tumor malignan termasuk leukemia, limfoma dan sarcoma.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) Semua kanser yang diklasifikasikan secara histologi sebagai salah satu dari berikut:
- pra-malignan
  - bukan invasive
  - karsinoma in situ
  - mempunyai malignan pinggiran (*borderline*)
  - mempunyai potensi malignan
- (ii) Semua tumor prostat yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1NOMO (Klasifikasi TNM)
- (iii) Semua tumor tiroid yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1NOMO (Klasifikasi TNM)
- (iv) Semua tumor pundi kencing yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1NOMO (Klasifikasi TNM)
- (v) Leukemia Limfositik Kronik kurang daripada RAI Tahap 3
- (vi) Semua kanser dengan kewujudan HIV
- (vii) Sebarang kanser kulit selain daripada melanoma malignan
- (d) Sebagai tambahan kepada pengecualian Keadaan Sedia Ada dan Penyakit Spesifik, Manfaat ini tidak akan dibayar jika Anda telah didiagnosis sebagai pesakit Kanser dan/atau sedang menerima rawatan Kanser sebelum Tarikh Permulaan.



**4.4.10 Manfaat Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar**

- (a) Jika Anda didiagnosis dengan Kegagalan Buah Pinggang (seperti yang ditakrifkan dalam sub-perenggan (c) di bawah), Kami akan membayar balik Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan yang dikenakan untuk rawatan dialisis buah pinggang yang Perlu Dari Segi Perubatan untuk Kegagalan Buah Pinggang.
- (b) Dialisis buah pinggang yang Diperlukan secara Perubatan mestilah dibuat di Jabatan Pesakit Luar Hospital atau pusat rawatan dialisis berdaftar secara sah untuk kegagalan buah pinggang.
- (c) **Kegagalan Buah Pinggang** bermaksud kegagalan buah pinggang peringkat akhir yang dikemukakan sebagai kronik dan tidak boleh pulih pada kedua-dua buah pinggang untuk berfungsi, yang mengakibatkan dialisis secara berkala dimulakan atau transplan buah pinggang perlu dijalankan.
- (d) Sebagai tambahan kepada pengecualian Penyakit Sedia Ada, Manfaat ini tidak akan dibayar jika Anda telah mengalami penyakit renal kronik dan/atau sedang menerima rawatan dialisis sebelum Tarikh Permulaan.

**4.5 Perlindungan Di Seluruh Dunia**

Anda mendapat perlindungan selama dua puluh empat (24) jam sehari di seluruh dunia, tertakluk kepada terma-terma berikut:

**4.5.1 Tinggal Di Luar Negara**

Kami tidak akan membayar sebarang Manfaat jika Anda tinggal di luar Malaysia selama lebih daripada sembilan puluh (90) hari dalam setiap perjalanan.

**4.5.2 Rawatan Di Luar Negara**

Jika Anda memilih atau dirujuk oleh Doktor Pakar untuk mendapatkan sebarang rawatan Yang Perlu Dari Segi Perubatan di luar Malaysia, Kami akan menghadkan Amaun Manfaat yang boleh dibayar untuk rawatan tersebut kepada kepada Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan untuk rawatan tempatan yang sama di Malaysia.

Jika Anda memilih atau dirujuk oleh Doktor Pakar untuk mendapatkan sebarang rawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan di luar Malaysia yang mana rawatan tersebut TIDAK terdapat di Malaysia, Amaun Manfaat yang boleh dibayar akan terhad kepada Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan untuk rawatan dan khidmat perubatan setanding yang paling hampir dengan rawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan bagi Hilang Upaya itu yang terdapat di Malaysia. Walau bagaimanapun, sekiranya tidak terdapat sebarang rawatan dan khidmat perubatan setanding di Malaysia, Amaun Manfaat yang boleh dibayar akan terhad kepada Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan bagi rawatan tempatan di Malaysia, yang pada pendapat Kami adalah rawatan yang paling baik untuk Anda.

Dalam kedua-dua hal di atas, Kami tidak akan melindungi kos pengangkutan ke tempat rawatan.

**4.6 Pengecualian**

**4.6.1** Anda akan menerima Manfaat Asas dengan syarat Kemasukan ke Hospital atau pembedahan Anda atau caj-caj tidak disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu kejadian berikut:

- (a) Keadaan Sedia Ada jika keadaan tersebut tidak dinyatakan kepada Kami.
- (b) Penyakit Spesifik.
- (c) Sebarang keadaan perubatan atau fizikal dan tanda-tanda atau gejala-gejalanya yang berlaku dalam tiga puluh (30) hari Tempoh Menunggu, kecuali kecederaan akibat kemalangan.

**TAKAFUL**

- (d) Sebarang gigitan serangga termasuk gigitan nyamuk dan kecacangan yang berlaku semasa tiga puluh (30) hari Tempoh Menunggu.
- (e) Pembedahan plastik atau kosmetik elektif (kecuali pembedahan rekonstruktif untuk mengembalikan fungsi), hiperhidrosis, berkhatan, pemeriksaan mata rabun dekat, rabun jauh atau astigmatisme, alat bantuan visual dan pembiasan atau pembedahan pembedahan rabun dekat (Keratotomi radial) dan penggunaan atau pemerolehan perkakas atau alat prostetik luaran seperti tetapi tidak terhad kepada anggota tiruan, semua jenis alat bantuan pendengaran, radas koklea, perentak luaran atau sementara, kardioverter defibrillator automatik yang diimplan dan preskripsi yang berkaitan.
- (f) Keadaan pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan mulut kecuali diperlukan kerana kecederaan akibat kemalangan untuk memulihkan fungsi pada gigi asal yang sihat yang berlaku semasa Sijil berkuatkuasa.
- (g) Rawatan bersifat eksperimen, termasuk ubat-ubatan dan/atau teknologi/prosedur perubatan bukan konvensional, yang belum terbukti berkesan, berdasarkan amalan perubatan biasa, dan yang belum disahkan oleh badan yang diiktiraf di Malaysia.
- (h) Penjagaan peribadi, rehat pulih atau penjagaan sanitasi.
- (i) Penyalahgunaan dadah, gangguan akibat ketagihan daripada sebarang jenis penggunaan atau penyalahgunaan bahan atau alkohol, di bawah pengaruh alkohol, penyakit kelamin dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV, serta sebarang penyakit boleh berjangkit yang memerlukan kuarantin di sisi undang-undang.
- (j) Sebarang rawatan atau pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan.
- (k) Rawatan atau prosedur yang berkaitan dengan kehamilan atau bersalin dan komplikasinya, kehamilan, kehamilan semasa dan sebelumnya (dan komplikasi berkaitan), kelahiran anak (termasuk kelahiran secara pembedahan dan apa juga pembedahan atau prosedur bukan pembedahan ke atas sistem peranakan wanita ketika pembedahan untuk kelahiran), keguguran, pengguguran kandungan (termasuk sebarang pengguguran yang dijalankan disebabkan oleh psikologi atau sosial, dan sebarang kesan dari mana-mana prosedur ini) dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia, rawatan berkaitan ketaksuburan termasuk disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan.
- (l) Terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, terapi sel stem, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis sesuatu Hilang Upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat-ubatan atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menambah berat badan atau pembedahan bariatric.
- (m) Bunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika waras atau tidak waras.
- (n) Peperangan atau sebarang tindakan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau keganasan, serangan musuh asing, berkecimpung dalam mana-mana angkatan bersenjata, menyertai mogok, rusuhan, kekacauan awam, pemberontakan, revolusi atau sebarang operasi peperangan.
- (o) Radiasi ion atau pencemaran radioaktif daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear akibat proses ledakan nuklear atau akibat daripada apa-apa bahan senjata nuklear.

**TAKAFUL**

- (p) Perbelanjaan yang ditanggung untuk pendermaan mana-mana bahagian badan atau organ Anda dan kos perolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika pemindahan organ dan komplikasinya.
- (q) Pemeriksaan dan rawatan apnea tidur dan gangguan dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi alternatif seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada rawatan kiropraktik, akupunktur, acupressure, refleksologi, pemulihan tulang, terapi oksigen hiperbarik, rawatan pakar herba, urutan atau terapi aroma atau rawatan alternatif yang lain.
- (r) Penjagaan atau rawatan yang tidak memerlukan bayaran atau kos tersebut akan dibayar oleh mana-mana insurans/takaful atau indemni lain yang melindungi Anda, dan Kehilangan Upaya yang timbul daripada tanggungjawab pekerjaan atau profesion yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans/Takaful Pampasan Pekerja.
- (s) Psikiatrik, gangguan mental atau saraf dan keadaan yang disebabkan oleh penyakit nyanyuk (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya).
- (t) Kos/perbelanjaan perkhidmatan yang bukan bersifat perubatan, seperti televisyen, telefon, perkhidmatan teleks, radio atau kemudahan seumpamanya, kit/pek kemasukan dan perbelanjaan bukan perubatan yang lain.
- (u) Mengambil bahagian dalam sebarang jenis perlumbaan (kecuali lumba lari atau lumba jalan kaki), sukan berbahaya seperti, tetapi tidak terhad kepada, terjun di udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan lasak musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang menyalahi undang-undang.
- (v) Penerbangan persendirian selain daripada sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersial berjadual yang dilesenkan untuk membawa penumpang melalui laluan yang telah ditetapkan.
- (w) Perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantung atau tranformasi jantung.
- (x) Penjagaan atau rawatan yang tidak membawa kepada pemulihan, konservasi keadaan Anda atau pemulihan keadaan kesihatan Anda seperti sebelumnya.

**4.7 Syarat-syarat**

- 4.7.1 Anda mesti memberi notis serta merta kepada Kami mengenai sebarang perubahan terhadap pekerjaan, hobi atau aktiviti sukan Anda. Apabila Kami menerima notis ini, Kami mungkin mengubah terma-terma, syarat-syarat, sumbangan, *Tabarru`* dan manfaat-manfaat bagi Sijil ini.
- 4.7.2 Pemberitahuan bagi sesuatu tuntutan mestilah diberikan kepada Kami dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Anda Dimasukkan ke Hospital. Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh tersebut tidak akan membatalkan tuntutan jika ia ditunjukkan tidak munasabah untuk memberikan notis itu dan notis itu telah diberikan sebaik sahaja ia mungkin semunasabahnya.
- 4.7.3 Bukti jelas tentang Kemasukan ke Hospital atau rawatan sebagai Pesakit Luar mestilah diberikan kepada Kami dalam masa sembilan puluh (90) hari selepas keluar dari Hospital atau dari hari Anda menerima rawatan Pesakit Luar. Kami memerlukan salinan asal bil-bil dan resit-resit yang berkaitan dengan caj-caj dan yuran-yuran yang terlibat.
- 4.7.4 Kami akan membayar semua tuntutan di bawah Sijil ini dalam Ringgit Malaysia. Sekiranya Anda meminta Kami membayar dalam mana-mana mata wang lain, Kami akan menggunakan mata wang yang diminta pada kadar mata wang pasaran semasa pada tarikh tuntutan diselesaikan.

- 4.7.5 Anda hendaklah bekerjasama sepenuhnya dengan Kami dengan memberikan Kami kuasa untuk mendapatkan maklumat yang berkenaan daripada mana-mana Doktor, Hospital atau sumber lain bagi tujuan mempercepatkan proses tuntutan.
- 4.7.6 Sekiranya tempoh sebarang manfaat yang dilindungi melangkaui Tahun Sijil yang seterusnya, maka manfaat yang perlu dibayar mesti dikira berdasarkan perbelanjaan terperinci yang sebenar yang dibuat bagi setiap hari. Sekiranya Kami tidak menerima huraian perbelanjaan harian, perbelanjaan tersebut akan dikira dalam bentuk peratusan daripada hari sebenar Kemasukan ke Hospital dalam setiap Tahun Sijil.
- 4.7.7 Jika Anda mengalami Hilang Upaya akibat tindakan atau ketidakgiatan pihak lain, dan Kami mengalami kerugian seperti yang termaktub di dalam Sijil ini, maka Anda bersetuju untuk:
- (a) memberi izin kepada Kami untuk menyaman atas nama Anda untuk mendapatkan imbuhan kerugian, dan remedi lain; dan
  - (b) memberi Kami kerjasama yang diperlukan untuk melaksanakan hal ehwal yang telah dinyatakan sebelum ini.
- Kami akan menanggung semua perbelanjaan yang melibatkan penebusan kerugian.
- 4.7.8 Anda tidak boleh mengambil sebarang tindakan undang-undang dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh Kami menerima surat Anda yang memaklumkan kepada Kami sesuatu tuntutan di bawah Sijil ini. Anda hendaklah memberi Kami semua keperluan yang berkenaan bagi tuntutan itu dalam tempoh satu (1) tahun kalendar dari tarikh Kami menerima surat Anda. Kami tidak akan memproses tuntutan jika mana-mana keperluan itu hanya Kami terima selepas satu (1) tahun kalendar.
- 4.7.9 Kami tidak akan menyediakan sebarang pampasan, selain daripada atas dasar kadaran sekiranya Anda:
- (a) mempunyai sebarang manfaat perubatan Sijil Takaful atau Polisi Insurans lain dalam bentuk bayaran balik yang berkuatkuasa pada masa Dimasukkan ke Hospital;
  - (b) sedang menerima pampasan yang perlu dibayar di bawah sebarang undang-undang kerajaan berikutan dengan kecederaan atau penyakit yang memerlukan Kemasukan ke Hospital; atau
  - (c) mempunyai sebarang manfaat daripada pekerjaannya yang membiayai kos Kemasukan ke Hospital dan kos rawatan.
- 4.7.10 Kami boleh mengubah terma dan syarat bagi Sijil ini dengan memberi Anda notis bertulis selama tiga puluh (30) hari. Perubahan tersebut akan berkuatkuasa dari tarikh Ulang Tahun Sijil yang seterusnya.

**5**

**PILIHAN ANDA**

- 5.1 Semasa Sijil masih berkuatkuasa, tertakluk kepada Anda memperoleh kelulusan Kami dengan mengisi borang permohonan yang berkaitan, Anda boleh menukar arahan asal seperti status merokok Anda seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1. Penukaran ini mungkin akan menyebabkan Sumbangan Anda berubah.
- 5.2 **Serahan**
- 5.2.1 Anda boleh menyerahkan Sijil Anda pada bila-bila masa yang Anda kehendaki.
  - 5.2.2 Sekiranya Anda memilih untuk menyerahkan Sijil Anda selepas Tempoh Rujukan Percuma, tiada amaun yang akan dibayar kepada Anda. Perlindungan Anda akan diteruskan sehingga Ulang Tahun Sijil seterusnya selepas notis penyerahan Anda.

**PRUDENTIAL BSN**

---

TAKAFUL

**6 POTONGAN TABARRU` DAN CAJ**

**6.1 Caj Wakalah Pendahuluan**

6.1.1 Kami akan menolak Caj *Wakalah* Pendahuluan daripada setiap Sumbangan yang diterima. Peratusan amaun yang ditolak untuk Caj *Wakalah* Pendahuluan, yang akan dikenakan ke atas Sumbangan, adalah dinyatakan dalam Jadual 2. Ini adalah untuk membayar perbelanjaan berkaitan pengagihan.

**6.2 Caj Pemprosesan**

6.2.1 Caj pemprosesan mungkin akan dikenakan sekiranya Kami membenarkan Anda untuk menggunakan mana-mana pilihan Anda yang terkandung dalam Sijil ini.

**6.3 Potongan Tabarru`**

6.3.1 Kami akan membuat Potongan *Tabarru`* untuk Manfaat Asas dan meletakkannya ke dalam Dana *Tabarru`*. Potongan *Tabarru`* adalah dinyatakan dalam Jadual 2.

6.4 Potongan *Tabarru`* dan caj adalah tidak dijamin. Kami boleh membuat perubahan pada Potongan *Tabarru`* dan caj-caj dengan memberikan notis bertulis tiga puluh (30) hari kepada Anda. Perubahan pada Potongan *Tabarru`* dan caj-caj akan berkuatkuasa pada Ulang Tahun Sijil yang berikutnya selepas notis tersebut. Sekiranya Ulang Tahun Sijil yang berikutnya jatuh dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Kami menghantar notis, perubahan pada Potongan *Tabarru`* dan caj-caj akan berkuatkuasa pada Ulang Tahun Sijil yang seterusnya.

**7 LUPUT**

7.1 Sekiranya Anda gagal membayar Sumbangan dalam tempoh tangguh selama tiga puluh (30) hari dari Tarikh Sumbangan Patut Dibayar, Sijil akan menjadi luput dan tidak lagi berkuatkuasa.

**8 PENGUATKUASAAN SEMULA**

8.1 Penguatkuasaan semula adalah tidak dibenarkan apabila Sijil telah luput.

**9 UMUM**

**9.1 Ketidakbolehpertikaian dan Salah Nyata**

9.1.1 Selain daripada pengecualian-pengecualian yang dinyatakan dalam Seksyen 4, Seksyen 9.1.2 atau sebarang peruntukan yang ditetapkan dalam Sijil ini, kesahihan Sijil ini tidak boleh dipertikaikan lagi selepas ia berkuatkuasa selama dua (2) tahun dari Tarikh Permulaan.

9.1.2 Sekiranya Sijil ini telah berkuatkuasa untuk tempoh lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Permulaan, ia tidak patut dielakkan oleh Kami berdasarkan pernyataan(-pernyataan) yang dibuat atau yang tidak dibuat:

- (a) pada peringkat cadangan sijil; atau
- (b) dalam laporan doktor rujukan, atau sesiapa yang lain; atau
- (c) dalam dokumen yang membawa kepada pengeluaran Sijil ini;

yang tidak tepat atau palsu atau mengelirukan. Walau bagaimanapun, Sijil Anda mungkin boleh dielakkan sekiranya Kami dapat membuktikan bahawa pernyataan tersebut adalah untuk perkara-perkara penting atau Anda telah menyelindungi Fakta Penting (seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 9.1.3) dan ia dibuat dengan tidak jujur atau diselindungi oleh Anda.

9.1.3 Untuk lebih jelas, "Fakta Penting" bermaksud fakta yang penting yang mana, jika

diketahui oleh Kami, akan membawa kepada keengganan Kami untuk mengeluarkan Sijil ini atau akan membawa kepada pengeluaran Sijil dengan terma-terma dan syarat-syarat yang berbeza.

- 9.1.4 Sekiranya berlaku salah nyata di mana Sijil Anda telah berkuatkuasa untuk tempoh dua (2) tahun atau kurang, tindakan sewajarnya akan diambil berdasarkan Jadual 9 bagi Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang mana boleh mengakibatkan salah satu daripada yang berikut:
- (a) Sijil Anda menjadi tidak sah dan semua tuntutan ditolak; atau
  - (b) perubahan pada terma-terma dalam Sijil ini; atau
  - (c) perubahan pada amaun sumbangan Anda; atau
  - (d) sebarang penyelesaian lain yang dianggap sesuai berdasarkan salah nyata.

**9.2 Tempoh Rujukan Percuma**

- 9.2.1 Anda boleh membuat permintaan untuk membatalkan Sijil Anda dalam tempoh lima belas (15) hari dari Tarikh Permulaan. Begitu juga, bagi melindungi atau mendahulukan kepentingan Anda dan pelanggan Kami yang lain dengan adil, Kami mungkin akan membatalkan Sijil Anda dalam tempoh lima belas (15) hari dari Tarikh Permulaan.
- 9.2.2 Sekiranya hal ini berlaku dan setelah bayaran balik Sumbangan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 dibuat, Kami akan membatalkan Sijil ini.

**9.3 Pemberitahuan**

- 9.3.1 Semua pemberitahuan daripada Kami adalah secara bertulis dan akan disampaikan kepada Anda.
- 9.3.2 Begitu juga, semua pemberitahuan hendaklah disampaikan kepada Kami secara bertulis.
- 9.3.3 Sebarang pemberitahuan yang dihantar melalui pos dianggap telah diterima dengan sewajarnya tiga (3) hari selepas dipos tanpa mengira sama ada telah diterima atau tidak.
- 9.3.4 Kami mungkin akan memberi Anda notis melalui faks, mesej teks atau apa-apa cara lain, jika Kami anggap keadaan adalah sesuai. Sebarang notis yang dihantar melalui faks hendaklah dianggap sebagai notis bertulis dan disampaikan apabila Kami mendapat pengesahan penghantaran. Sekiranya notis dihantar melalui e-mel atau mesej teks atau apa-apa cara lain, ia hendaklah dianggap sebagai notis bertulis dan disampaikan pada hari perniagaan berikutnya selepas ianya dihantar.
- 9.3.5 Bagi pemberitahuan umum yang melibatkan semua peserta, pemberitahuan tersebut dianggap mencukupi sekiranya pemberitahuan dibuat melalui iklan dalam dua (2) surat khabar utama atau melalui laman sesawang Kami.

**9.4 Pengesahan Pemberitahuan**

- 9.4.1 Sekiranya Kami mengeluarkan pengesahan pemberitahuan, Kami akan menganggap pemberitahuan tersebut adalah betul kecuali terdapat kesalahan yang nyata atau Anda membuat aduan mengenainya kepada Kami dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pengesahan pemberitahuan.

**9.5 Cukai**

- 9.5.1 Sekiranya terdapat sebarang cukai yang perlu Anda bayar di bawah undang-undang Malaysia, Kami boleh mengutip daripada Anda amaun cukai yang perlu dibayar pada kadar semasa ke atas bahagian yang berkaitan bagi Sijil Anda.
- 9.5.2 Tanggungjawab Anda untuk membayar cukai akan menjadi sebahagian daripada terma-terma dan syarat-syarat Sijil Anda.

**9.6 Tuntutan**

- 9.6.1 Sebelum Kami membayar sebarang tuntutan di bawah Sijil ini, Kami boleh meminta sebarang dokumen tambahan termasuk dokumen undang-undang bagi memproses dan

meluluskan tuntutan tersebut.

**9.7 Dasar Sijil ini dan Hak**

- 9.7.1 Kami menyediakan manfaat-manfaat di bawah Sijil ini setelah Anda membayar Sumbangan yang berkenaan.
- 9.7.2 Semua pernyataan dan maklumat yang Anda berikan mestilah benar dan tepat. Bagi sebarang kenyataan yang salah, salah nyata atau penyelindungan maklumat, Kami akan memperlakukan Sijil ini seperti yang ditetapkan dalam Seksyen 9.1.
- 9.7.3 Bagi melindungi atau mendahulukan kepentingan Anda dan pelanggan Kami yang lain dengan adil, Kami mungkin akan membatalkan Sijil sekiranya kejadian di bawah Seksyen 9.7.2 terjadi.

**9.8 Penamatan**

- 9.8.1 Sijil ini akan tamat secara automatik:
  - (a) pada Ulang Tahun Sijil seterusnya selepas pemberitahuan penyerahan; atau
  - (b) apabila Sijil ini luput; atau
  - (c) pada hari sebaik selepas Tarikh Tamat Tempoh seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1; atau
  - (d) apabila Anda meninggal dunia; atau
  - (e) selepas pembatalan Sijil seperti yang dinyatakan dalam Klausula 9.2.1 atau 9.7.3; atau
  - (f) pada Ulang Tahun Sijil seterusnya selepas notis berkenaan Syarat Penarikan Balik Portfolio;mana-mana yang berlaku terlebih dahulu.
- 9.8.2 Sekiranya Kami menamatkan Sijil ini, ia tidak akan menjejaskan sebarang tuntutan yang telah berlaku sebelum Sijil ini tamat.
- 9.8.3 Semua Caj *Wakalah* yang dibayar yang merupakan sebahagian daripada Sumbangan yang patut dibayar tidak akan dipulangkan apabila penamatan.

**9.9 Perubahan kepada Sijil**

- 9.9.1 Kami boleh mengubah mana-mana Seksyen dalam Sijil ini, yang mungkin perlu disebabkan oleh sebarang perundangan, pengawalan, peraturan atau polisi yang ditetapkan oleh sebarang badan penguatkuasaan berkenaan di Malaysia.
- 9.9.2 Kami boleh mengubah mana-mana terma yang terkandung dalam Sijil ini yang tidak akan memberi sebarang kesan kepada hak dan manfaat Anda di bawah Sijil ini. Pemberitahuan bagi perubahan tersebut akan dilakukan melalui pemberitahuan umum kepada Anda.

**9.10 Pembaharuan**

- 9.10.1 Semasa pembaharuan, Kami mungkin mengubahsuai terma dan syarat Sijil ini termasuk sumbangan yang perlu dibayar, atau mengecualikan secara khusus keadaan atau ketidakupayaan yang mengakibatkan tuntutan terdahulu dengan memberikan Anda notis tiga puluh (30) hari sebelum Ulang Tahun Sijil.
- 9.10.2 Sebaliknya, Sijil ini akan diperbaharui pada setiap Ulang Tahun Sijil selagi Sumbangan dibayar oleh Anda mengikut Seksyen 2 dan tertakluk kepada Syarat Penarikan Balik Pengeluaran Portfolio seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 9.11.



9.11 **Syarat Penarikan Balik Portfolio**

- 9.11.1 Bagi melindungi atau mendahulukan kepentingan Anda dan pelanggan Kami yang lain dengan adil, Kami mungkin akan membatalkan portfolio secara keseluruhan jika Kami membuat keputusan untuk tidak meneruskan pengunderitan pelan ini.
- 9.11.2 Dengan berbuat demikian, Kami akan berhenti memperbaharui sebarang sijil yang perlu diperbaharui pada Ulang Tahun Sijil dan berhenti menerima apa-apa sijil baru.
- 9.11.3 Kami akan memaklumkan kepada Anda tentang keputusan Kami dengan memberikan notis tiga puluh (30) hari kepada Anda. Sijil Anda akan terus berkuatkuasa sehingga Ulang Tahun Sijil selepas notis tersebut.

**\*\*DOKUMEN TAMAT\*\***